



ANGGOTA bomba mengangkat mayat mangsa yang ditemui di dasar sungai.

Murid ponteng ditemui lemas

Bentong: Seorang murid tahun empat yang dipercayai ponteng kelas tambahan mati lemas ketika mandi di Sungai Pahang, Ulu Perting, dekat sini, bersama dua rakannya, kira-kira jam 2 petang, kelmarin.

Mangsa berusia 10 tahun ditemui sepasukan anggota Unit Skuba Bomba dan Pe-

nyelamat Bentong pada jam 10.29 pagi semalam selepas dua jam menjalankan operasi mencari.

Difahamkan, murid itu dipercayai ponteng kelas tambahan bersama dua rakan sebaya.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang Anuar

Hassan berkata, mayat mangsa ditemui tenggelam di dasar sungai berkenaan berhampiran dengan Empangan Ulu Perting.

Menurutnya, mayat mangsa dibawa ke Hospital Bentong (HB) untuk bedah siasat dijalankan sebelum ahli keluarganya hadir membuat pengecaman.